



18 JUN, 2024

Kukuh jati diri anggota, pegawai kastam elak ‘dirasuk’ sindiket

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Minda Pengarang



Kukuh jati diri anggota, pegawai kastam elak ‘dirasuk’ sindiket

Secanggih manapun mesin pengimbas termasuk dilengkapi teknologi kecerdasan buatan (AI) di pintu masuk negara, ia tidak dapat menghalang salah laku dan jenayah rasuah sekiranya kakitangan serta pegawai mengendalikannya tidak menjunjung nilai integriti tinggi. Peringatan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki itu walaupun pedih, kebenarannya tak boleh disangkal kerana hakikatnya manusia mengawal dan menentukan proses dilakukan mesin, bukan sebaliknya.

Mesin pengimbas mempunyai limitasi dan had pemantauan sedangkan kelicikan pemberi serta penerima rasuah, terutama sindiket boleh ‘mengakali’ kecerdasan sesuatu teknologi. Malah, perbuatan rasuah boleh dilakukan bila-bila masa saja termasuk di luar waktu bertugas tidak dapat dijangkau sesuatu sistem digital, bahkan ada sahaja kelompokan boleh dieksploitasi penjenayah untuk sesuatu transaksi rasuah.

Hakikatnya, sistem canggih dan teknologi maju sudah lama digunakan di negara ini, tetapi kes rasuah berulang dengan terbaharu wang tunai RM4.4 juta dirampas SPRM daripada 11 pegawai Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dikaitkan sindiket ‘kontena terbang’. Kes rasuah membatikan ketirisan duti kastam itu dianggarkan RM3.5 bilion berlaku di Pelabuhan Klang, sekali gus membawa penahanan enam individu iaitu pengarah, pekerja syarikat, seorang *runner* dan kekasihnya.

Pada Mac lalu, 34 anggota dan pegawai JKDM bersekongkol dengan sindiket penyeludupan pengimportan dan penjualan arak serta rokok seludup membatikan ketirisan hasil cukai RM2 bilion ditahan SPRM dalam Ops Samba 2.0. Ini tidak termasuk rasuah membatikan puluhan ribu ringgit ‘sahaja’ dengan seorang dua kakitangan kastam didakwa setiap kes hingga tidak hairanlah jabatan itu menduduki tangga ketiga selepas imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebagai agensi penguat kuasa paling banyak aduan isu salah laku integriti diterima Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) pada tahun ini.

Malah, salah satu kes membatikan kastam turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melahirkan rasa sedih dan terkesan dengan salah guna kuasa dilaporkan berlaku di bahagian kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang hingga negara menanggung kerugian hampir RM2 bilion.

Justeru, kerajaan boleh memperkenalkan pelbagai mekanisme baharu termasuk memendekkan tempoh penugasan dan penempatan bagi perjawatan kritikal untuk mengurangkan pengaruh dan hubungan mungkin terbentuk, tetapi benteng utama masih tetap sikap amanah dan integriti kakitangan serta pegawai agensi penguat kuasa termasuk kastam. Malah, usaha menghalang daripada seseorang ‘dirasuk’ godaan sindiket dan tarikan kemewahan juga tidak boleh dilaksanakan secara individu, sebaliknya program pembentukan ketahanan jiwa perlu berlaku dengan kolektif.

Selain memanfaatkan pendekatan agama dan kerohanian untuk membina jati diri anggota dan pegawai yang membenci rasuah, kerajaan boleh mencontohi mekanisme digunakan di negara seperti Singapura yang kastamnya dikategorikan sebagai paling rendah risiko rasuah untuk perniagaan oleh Global Enabling Trade Report (GETR) sebelum ini. Pada masa sama, kakitangan terbukti amanah dan berintegriti pula perlu diberikan kredit, sekali gus dapat memastikan motivasi serta semangat kerja tidak luntur disebabkan setitik nila yang merosakkan imej kastam keseluruhan.



18 JUN, 2024

Kukuh jati diri anggota, pegawai kastam elak `dirasuk' sindiket

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Secanggih manapun mesin pengimbas termasuk dilengkapi teknologi kecerdasan buatan (AI) di pintu masuk negara, ia tidak dapat menghalang salah laku dan jenayah rasuah sekiranya kakitangan serta pegawai mengendalikannya tidak menjunjung nilai integriti tinggi. Peringatan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki itu walaupun pedih, kebenarannya tak boleh disangkal kerana hakikatnya manusia mengawal dan menentukan proses dilakukan mesin, bukan sebaliknya.